

NO SOALAN :504

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
(SHAH ALAM)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah nilai Pelaburan Khazanah Nasional Berhad di luar negara, butiran portfolio pelaburan dan pulangan (Return on Investment) yang diterima menurut setiap Negara bermula tahun 2009 sehingga 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selari dengan mandat Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) sebagai dana pelaburan strategik negara bagi mewujudkan nilai jangka panjang untuk Malaysia, Khazanah meneroka pelbagai peluang pelaburan dalam pelbagai sektor dan kawasan, baik di dalam

mahupun di luar negara.

Matlamat ini telah menyaksikan Khazanah meningkatkan portfolio pelaburannya di luar negara sejak tahun 2004 apabila ia menerima mandat baharu daripada Kerajaan. Pada tahun 2004, hampir 100% Nilai Aset Boleh Direalisasikan (RAV) Khazanah tertumpu dalam negara. Walau bagaimanapun, peratusan RAV berdasarkan pelaburan Khazanah di luar negara telah meningkat secara beransur-ansur lanjutan daripada pelupusan secara berhemah yang dilaksanakan oleh Khazanah atas aset-aset yang dikuasainya di dalam negara bagi mempelbagaikan portfolio pelaburannya.

Untuk makluman, RAV Khazanah meningkat daripada RM50.9 bilion pada 14 Mei 2004 kepada RM145.1 bilion pada 31 Disember 2016. Antara bidang dan sektor pelaburan utama Khazanah di luar negara termasuk inovasi & teknologi, perkhidmatan kewangan, penjagaan kesihatan, serta infrastruktur dan pembinaan di beberapa negara termasuk China, Singapura, India, Filipina, Turki, Indonesia, Amerika Utara, Timur Tengah dan Eropah.